



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UPBM.600-3/4/1 Jld.10 (33)

Tarikh : 27 Februari 2025

Encik Mohd Suhaimi bin Ramly
Pengarah Urusan
Ardent Educational Consultant Sdn. Bhd.
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang
53300 Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER TAHUN 2025 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya surat tuan mengenai perkara di atas adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu **tiada halangan** membenarkan pihak tuan mengadakan program tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1 Pihak tuan hendaklah mematuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018-Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institut Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 2.2 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah;
- 2.3 Menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 2.4 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

...2/-

- 2.5 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis ibu bapa / penjaga masing-masing (Surat Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga Murid) dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan berlaku;
- 2.6 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan murid yang terlibat dalam program tersebut;
- 2.7 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dan arahan-arahan semasa berkenaan pelaksanaan aktiviti murid yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 2.8 Kelulusan ini (**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER TAHUN 2025 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN. BHD.**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas **31 Oktober 2025**. Pihak tuan juga diminta menghantar laporan ringkas program (Lampiran 1) mengikut format yang dilampirkan bersama-sama surat ini **dalam tempoh 30 hari** setelah program selesai dijalankan bagi tujuan pengiktirafan program tersebut.

3. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Khairul Azman bin Adenan, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu di talian 09-6213303 / 019-5535003.**

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ABDUL RAZAK BIN MUDA)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

- Makluman tuan.